

15 SEP 2003

Mahathir-Peladang (Bergambar)

PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERLU PERALIHAN, KATA DR MAHATHIR

TANAH MERAH, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta peladang, penternak dan nelayan di negara ini supaya menjalankan aktiviti mereka secara komersil dan menggunakan sepenuhnya masa terluang bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Perdana Menteri berkata dengan cara itu sahaja, masalah kemiskinan yang membelenggu golongan berkenaan akan dapat diatasi.

"Para peladang perlu menggabungkan tanah-tanah mereka menjadi ladang supaya pelbagai jenis tanaman dapat ditanam di kawasan yang luas," katanya ketika merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kelantan di sini, hari ini.

Kira-kira 20,000 orang terutamanya peladang, penternak dan nelayan di negeri ini hadir mendengar amanat Perdana Menteri itu pada sambutan yang julung kali diadakan secara besar-besaran oleh Kerajaan Persekutuan di negeri ini sejak Pas memerintah negeri itu bermula 1990.

Dr Mahathir berkata golongan itu perlu segera meninggalkan usaha mencari pendapatan secara tradisional dan sebaliknya bergerak melalui penubuhan syarikat yang mampu menyumbang pendapatan yang tinggi.

Beliau berkata melaksanakan projek secara komersil bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan tetapi kos pengeluaran juga akan berkurangan.

Hasil pengeluaran golongan peladang, penternak dan nelayan di negara jiran dapat dipertingkatkan dan dipasarkan pada harga yang lebih murah jika mereka mengkomersilkan aktiviti mereka, katanya.

Perdana Menteri juga meminta golongan berkenaan mengamalkan budaya kerja yang lebih tertib terutamanya menggunakan masa yang lebih panjang untuk bekerja.

Dr Mahathir berkata selama ini golongan itu hanya menggunakan sedikit masa untuk bekerja manakala selebihnya habis begitu sahaja tanpa mendatangkan faedah.

Justeru itu, beliau meminta mereka mencontohi waktu bekerja bagi kakitangan kerajaan dan swasta yang bekerja lapan jam sehari dan hanya bercuti pada hujung minggu.

"Kerajaan berhasrat untuk menyusun cara kita (peladang, penternak dan nelayan) bekerja supaya lebih panjang masanya dan dengan cara yang tertib serta mengadakan ladang-ladang yang lebih besar," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga bercadang untuk mewujudkan konsep "satu kampung satu industri" bagi menambah pendapatan golongan berkenaan.

"Insyallah, orang kampung kita akan menjadi kaya," katanya.

Bagi mencapai hasrat itu, beliau berkata kerajaan menyediakan pelbagai bantuan termasuk modal dan terpulang kepada golongan berkenaan untuk merebut peluang-peluang itu.

Dr Mahathir berkata anak-anak golongan berkenaan yang kini memiliki pendidikan tinggi boleh pulang ke kampung untuk membantu ibu bapa mereka menguruskan projek secara komersil.

Malaysia yang dikurniakan tanah yang subur dan iklim yang baik perlu dimanfaatkan oleh golongan itu bagi melaksanakan pelbagai projek pertanian, penternakan dan perikanan, katanya.

Beliau berkata rakyat tidak sepatutnya menjadi miskin kerana negara ini kaya dengan pelbagai sumber dan terpulang kepada mereka untuk mengubah nasib dan dalam masa yang sama, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup mereka.

-- BERNAMA

BD ERE PR